

MCCBCHST: Daftar dan undi dalam pilihan raya atau jangan rungut
The Malaysian Insider
05 Disember, 2011
Oleh Clara Chooi

KUALA LUMPUR, 5 Dis — Jika anda tidak mendaftar sebagai pemilih dan kemudiannya mengundi, anda tidak mempunyai hak untuk merungut mengenai dasar dan keputusan kerajaan yang didakwa tidak menjaga kepentingan rakyat, kata Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST).

Badan mewakili agama-agama bukan Islam ini menambah, kegagalan seseorang menyertai pilihan raya sama dengan tindakan mereka tidak kisah dengan perjalanan negara.

"Jika anda tidak kisah, apa hak anda untuk mengadu apabila berlakunya sesuatu yang anda tidak suka?" kata presiden MCCBCHST Daozhang Tan Hoe Chieow pada sidang media di sini hari ini.

Katanya, ketika pilihan raya umum 2008, daripada seramai 15 juta orang yang layak, hanya lapan juta mengundi.

Ketika itu seramai 11 juta orang telah mendaftar sebagai pengundi.

"Tujuh juta (pengundi) hilang," kata beliau.

Tan berkata majlis itu sedang merancang untuk mengadakan kempen mendaftar pengundi peringkat kebangsaan pada 11 Disember ini, di rumah-rumah ibadat di 11 negeri dan Wilayah Persekutuan.

"Daripada perangkaan sahaja, kita tahu bahawa ada 4.384 juta mereka yang layak belum mendaftar.

"Kami berharap kita boleh memilih sebuah kerajaan yang bersih dan telus serta berpusatkan (kepentingan) rakyat, sebuah kerajaan yang boleh meneruskan kemakmuran, kestabilan dan keharmonian ini," katanya lagi.

Bagaimanapun beliau menafikan bahawa usaha mereka bersifat politik, sebaliknya menjelaskan mana-mana pertubuhan bukan kerajaan mempunyai tanggungjawab bagi memastikan setiap orang yang layak mendaftar sebagai pengundi.

"Ini bukan politik. Ia berkenaan dengan kesedaran," katanya.